

D.R. 18/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

- (a) dengan memasukkan selepas takrif “anak kariah” takrif yang berikut:

‘ “Baitulmal” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 60;’;

- (b) dengan menggantikan takrif “Hakim Syarie” atau “Hakim” dengan takrif yang berikut:

‘ “Hakim Syarie” atau “Hakim” ertinya Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan;’;

- (c) dengan menggantikan takrif “Hukum Syarak” dengan takrif yang berikut:

‘ “Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali;’;

- (d) dengan memotong takrif “Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak”;

- (e) dengan memasukkan sebelum takrif “kariah masjid” takrif yang berikut:

‘ “Jawatankuasa Wakaf” ertinya Jawatankuasa Wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 61A(1);’;

- (f) dengan menggantikan takrif “Ketua Pendakwa Syarie” dengan takrif yang berikut:

‘ “Ketua Pendakwa Syarie” atau “Timbalan Ketua Pendakwa Syarie” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 58(1);’;

- (g) dengan memotong takrif “Kumpulan Wang”;
- (h) dengan menggantikan takrif “Mufti” dengan takrif yang berikut:

‘ “Mufti” ertinya Mufti yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 [Akta XXX];’;

- (i) dengan memasukkan selepas takrif “Setiausaha” takrif yang berikut:

‘ “wakaf” ertinya—

- (a) untuk menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya;
- (b) untuk menyerahkan manfaat atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau
- (c) untuk menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya,

sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];’;

- (j) dengan menggantikan takrif “wakaf ‘am” dengan takrif yang berikut:

‘ “wakaf am” ertinya wakaf bagi maksud kebajikan umum mengikut Hukum Syarak;’; dan

- (k) dengan menggantikan takrif “wakaf khas” dengan takrif yang berikut:

‘ “wakaf khas” ertinya wakaf bagi maksud kebajikan tertentu atau bagi pihak tertentu mengikut Hukum Syarak;’.

Pindaan seksyen 7**3. Subseksyen 7(2) Akta ibu dipinda—**

(a) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “[Akta 208]”;

(b) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

“(e) untuk menubuhkan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman daripada Baitulmal selain wang zakat kepada individu beragama Islam bagi maksud mengikuti pendidikan tinggi;”;

(c) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(fa) untuk menubuhkan, menyenggarakan dan menguruskan rumah kebajikan, tempat perlindungan dan pusat pemulihan; dan”.

Pindaan seksyen 9

4. Subseksyen 9(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang” dengan perkataan “Baitulmal”.

Pindaan seksyen 10**5. Subseksyen 10(1) Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai Timbalan Pengerusi;”;

- (b) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

“(e) Ketua Pegawai Polis Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau wakilnya;”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(fa) Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan;”.

Pindaan seksyen 12

6. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

- (b) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

- (c) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) jika dia tidak menghadiri tiga mesyuarat Majlis secara berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau, dalam hal jika anggota itu ialah Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) jika dia bertindak bertentangan dengan dasar atau kepentingan Majlis; atau

(e) jika dia menjadi bankrap yang belum dilepaskan.”.

Pindaan seksyen 14

7. Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Setiausaha Majlis.”.

Pindaan seksyen 22

8. Subseksyen 22(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “kata demi kata”.

Seksyen baharu 27A

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27 seksyen yang berikut:

“Pelantikan pegawai dan pekhidmat Majlis

27A. Majlis boleh melantik atau mengambil kerja apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majlis untuk membantunya menjalankan fungsi-fungsinya.”.

Pemotongan Bahagian III

10. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian III.

Seksyen baharu 40A

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 40 seksyen yang berikut:

“Penjalanan prosiding di tempat lain atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh

40A. (1) Walau apa pun seksyen 40, seseorang Hakim atau Pendaftar yang menjalankan suatu prosiding bagi kes mal

boleh menentukan supaya prosiding itu atau mana-mana bahagian prosiding itu dijalankan—

(a) di mana-mana tempat selain Mahkamah yang ditubuhkan di bawah seksyen 40; atau

(b) melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Subseksyen (1) terpakai jika Hakim atau Pendaftar itu berpuas hati bahawa—

(a) terdapat keadaan darurat; atau

(b) setelah mengambil kira hal keadaan kes itu, adalah wajar bagi penentuan di bawah subseksyen (1) dibuat.

(3) Dalam menjalankan prosiding menurut subseksyen (1), Hakim atau Pendaftar itu hendaklah memastikan bahawa—

(a) penjalanan prosiding itu mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa, Hukum Syarak dan apa-apa arahan yang dibuat oleh pihak berkuasa yang berkenaan; dan

(b) penjalanan prosiding itu tidak menjejaskan keadilan, tidak melibatkan penyalahgunaan proses Mahkamah dan tidak terdapat unsur keraguan, penipuan dan syak.

(4) Tempat di mana prosiding dijalankan menurut subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai Mahkamah yang ditubuhkan di bawah seksyen 40.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

“Pendaftar” ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 45;

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.”.

Pindaan seksyen 43

12. Seksyen 43 Akta ibu dipinda dalam subperenggan (2)(b)(i) dengan menggantikan perkataan “sesuatu Negeri” dengan perkataan “Wilayah-Wilayah Persekutuan atau mana-mana Negeri”.

Pindaan seksyen 46

13. Seksyen 46 Akta ibu dipinda dalam subperenggan (2)(b)(vii) dengan memasukkan sebelum perkataan “wakaf” perkataan “zakat,”.

Seksyen baharu 57B

14. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 57A seksyen yang berikut:

“Arahan amalan

57B. Ketua Hakim Syarie boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa arahan amalan sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan tatacara mal Mahkamah Syariah, tatacara jenayah Syariah, keluarga Islam dan keterangan Syariah.”.

Pindaan seksyen 58

15. Seksyen 58 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Pelantikan Ketua Pendakwa Syarie, Timbalan Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguat Kuasa Agama”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, melantik seorang Ketua Pendakwa Syarie dan apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie dalam kalangan pegawai Skim Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.”;

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika dia—

(a) seorang warganegara;

(b) beragama Islam; dan

(c) sebaik sebelum pelantikannya, memegang apa-apa jawatan dalam Skim Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan selama tempoh berterusan yang tidak kurang daripada sepuluh tahun.”;

- (d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Ketua Pendakwa Syarie boleh melantik orang yang layak dan sesuai dalam kalangan Skim Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan menjadi Pendakwa Syarie.”; dan

- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (3A) subseksyen yang berikut:

“(3B) Timbalan Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai segala kuasa Pendakwa Syarie dan hendaklah bertindak sebagai Ketua Pendakwa Syarie semasa ketiadaan atau ketidakupayaan Ketua Pendakwa Syarie.”.

Seksyen baharu 59A

16. Bahagian VI Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 60 seksyen yang berikut:

“Tafsiran

59A. Bagi maksud Bahagian ini—

“harta” termasuklah—

- (a) semua harta alih atau harta tak alih, termasuk harta intelek dan semua manfaat, keuntungan atau kepentingan, sama ada di bawah ekuiti atau undang-undang, dalam harta alih atau harta tak alih itu; dan
- (b) kepakaran atau perkhidmatan yang mempunyai nilai mengikut Hukum Syarak;

“istibdal” ertinya penggantian sesuatu mawquf dengan suatu harta yang lain atau wang yang mempunyai nilai yang sama atau nilai yang lebih tinggi daripada mawquf itu, melalui penukaran, pembelian, penjualan atau menguruskan harta itu dengan apa-apa cara lain mengikut Hukum Syarak;

“mawquf” ertinya apa-apa harta yang diserahkan dan disumbangkan oleh mana-mana orang sebagai suatu wakaf;

“mawquf ‘alaih” ertinya seseorang yang berhak menerima apa-apa manfaat, keuntungan atau kepentingan daripada suatu mawquf;

“mutawalli” atau “qayyim” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Wakaf masing-masing di bawah perenggan 61A(3)(b) dan (c).”.

Pindaan seksyen 60

17. Seksyen 60 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Baitulmal” ditubuhkan.”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Baitulmal itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.”; dan

- (c) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang” dengan perkataan “Baitulmal”; dan

(ii) dalam proviso, dengan memasukkan selepas perkataan “wang amanah” perkataan “yang mengikut Hukum Syarak”.

Seksyen baharu 61A

18. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 61 seksyen yang berikut:

“Jawatankuasa Wakaf

61A. (1) Bagi maksud menjalankan kuasanya di bawah seksyen 61, Majlis hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan”.

(2) Jawatankuasa Wakaf hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) untuk menerima dan mendaftarkan, atau menolak apa-apa harta sebagai suatu mawquf;

(b) untuk melantik mana-mana orang sebagai mutawalli untuk melaksanakan fungsi yang berikut:

(i) memungut dan menerima apa-apa mawquf;

- (ii) mengurus, mentadbir dan membangunkan apa-apa mawquf; dan
 - (iii) mengagihkan apa-apa manfaat mawquf;
- (c) untuk melantik mana-mana orang sebagai qayyim untuk melaksanakan mana-mana satu atau dua fungsi yang berikut:
 - (i) memungut dan menerima apa-apa mawquf;
 - (ii) mengurus, mentadbir dan membangunkan apa-apa mawquf; atau
 - (iii) mengagihkan apa-apa manfaat mawquf;
- (d) untuk mengiktiraf mana-mana pentadbir yang dilantik oleh orang yang menyerahkan dan menyumbangkan hartanya sebagai mawquf (waqif);
- (e) untuk melaksanakan istibdal;
- (f) untuk memperoleh apa-apa harta sebagai suatu mawquf dengan menggunakan wang daripada Baitulmal atau sumber lain yang dibenarkan mengikut Hukum Syarak;
- (g) untuk mengusahakan dan menguruskan pembangunan suatu mawquf dan menyenggara mawquf itu;
- (h) untuk meluluskan apa-apa produk atau skim wakaf;
- (i) untuk melaksanakan apa-apa arahan, dasar atau keputusan Majlis berhubung dengan wakaf;
- (j) untuk memungut segala hasil yang diperolehi daripada mawquf; dan
- (k) untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan patut olehnya untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

(3) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah yang mengadakan peruntukan bagi—

- (a) keanggotaan dan tatacara Jawatankuasa Wakaf;
- (b) perkara yang berhubungan dengan pendaftaran wakaf;
- (c) perkara yang berhubungan dengan pelantikan mutawalli dan qayyim serta pengiktirafan pentadbir;
- (d) perkara yang berhubungan dengan pengurusan, pembangunan dan istibdal;
- (e) pelantikan dan tanggungjawab Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf serta Daftar Wakaf;
- (f) elaun yang kena dibayar kepada anggota Jawatankuasa Wakaf;
- (g) fi yang kena dibayar berkenaan dengan wakaf;
- (h) rukun, syarat dan kaedah wakaf;
- (i) kesalahan yang berhubungan dengan wakaf; dan
- (j) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan wakaf.”.

Pindaan seksyen 63

19. Seksyen 63 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Nazr yang dibuat secara wasiat atau alang semasa *marad-al-maut* dan melibatkan lebih daripada satu pertiga daripada harta orang yang membuat nazr itu adalah tidak sah berkenaan dengan bahagian yang melebihi satu pertiga itu melainkan jika dipersetujui oleh waris.”.

Pindaan seksyen 64

20. Subseksyen 64(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang” dengan perkataan “Baitulmal”.

Pindaan seksyen 65

21. Seksyen 65 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Baitulmal”.

Pindaan seksyen 68

22. Seksyen 68 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang” dengan perkataan “Baitulmal”.

Pindaan seksyen 70

23. Seksyen 70 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang” dengan perkataan “Baitulmal”.

Pindaan seksyen 71

24. Seksyen 71 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Akaun bank”;

(b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “jurubank” dengan perkataan “bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]”;

(c) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “Pembayaran oleh Majlis amaun yang melebihi lima puluh ringgit hendaklah dibuat melalui cek.”; dan

- (d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Tatacara bagi pengeluaran wang daripada mana-mana akaun bank Majlis hendaklah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.”.

Pindaan seksyen 73

- 25.** Seksyen 73 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 74

- 26.** Seksyen 74 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang” dengan perkataan “Baitulmal”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Naqib Masjid atau Imam” dengan perkataan “Jawatankuasa kariah”.

Pindaan seksyen 76

- 27.** Seksyen 76 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan Pentadbiran Agama” dengan perkataan “perkhidmatan Hal Ehwal Islam”; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “, atas nasihat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak,”.

Pindaan seksyen 78

28. Seksyen 78 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Seseorang Imam Ratib dan Pembantu Bilal tidak boleh memegang jawatan selepas mencapai umur enam puluh tahun melainkan jika Majlis berpuas hati bahawa perlu dan sesuai bagi Imam Ratib dan Pembantu Bilal itu untuk memegang jawatan selepas mencapai umur itu.”.

Pindaan seksyen 82

29. Subseksyen 82(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Masjid Negara” perkataan “, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin”.

Pindaan seksyen 84

30. Seksyen 84 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (2)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “menyimpan” perkataan “dan menyenggara”;

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Wang yang dipungut” dengan perkataan “Wang dan sumbangan lain yang dipungut”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang” dengan perkataan “Baitulmal”;

(c) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “pungutan wang” perkataan “atau sumbangan lain”; dan

(d) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

Penggantian seksyen 88

31. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 88 dengan seksyen yang berikut:

“Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Daftar Muallaf

88. (1) Seseorang Ketua Pendaftar Muallaf hendaklah dilantik oleh Majlis untuk menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Muallaf dalam bentuk yang boleh ditetapkan untuk pendaftaran muallaf.

(2) Majlis boleh melantik apa-apa bilangan Pendaftar Muallaf sebagaimana yang Majlis fikirkan perlu untuk membantu Ketua Pendaftar dalam melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa Majlis di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 89

32. Seksyen 89 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pendaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pendaftar”.

Pindaan seksyen 90

33. Subseksyen 90(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pendaftar” dengan perkataan “Ketua Pendaftar”.

Pindaan seksyen 93

34. Seksyen 93 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pendaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pendaftar”.

Pemotongan seksyen 96

35. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 96.

Pindaan seksyen 99**36. Seksyen 99 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kelulusan” dengan perkataan “keluasan”;
- (b) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pegawai bawahan” dengan perkataan “pegawai dan pekhidmat”;
- (c) dalam perenggan (h), dengan memasukkan selepas perkataan “penentuan” perkataan “, pemindaan, pengubahan”;
- (d) dalam perenggan (j), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (e) dengan memasukkan selepas perenggan (j) perenggan yang berikut:
 - “(k) perkara berkaitan dengan nazr atau amanah;
 - (l) pentadbiran, pengurusan, pengawalan, penyenggaraan dan penyeliaan rumah kebajikan, tempat perlindungan dan pusat pemulihan; dan
 - (m) perkara lain bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.”.

Seksyen baharu 99A

37. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 99 seksyen yang berikut:

“Lakuna

99A. Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, Hukum Syarak hendaklah terpakai.”.

Pemotongan seksyen 101 dan 102

38. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 101 dan 102.

Kecualian dan peralihan

39. (1) Semua orang yang, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, memegang jawatan di bawah Akta ibu sebagai Mufti, Timbalan Mufti, Ketua Pendakwa Syarie, Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama dan, pegawai dan pekhidmat Majlis hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, terus memegang jawatan sehingga habis tempoh jawatannya.

(2) Semua orang yang dilantik di bawah Akta ibu sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini sebagai mutawalli atau qayyim hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, terus bertindak sedemikian sehingga habis tempoh perjanjiannya.

(3) Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006 [*P.U. (A) 74/2006*] yang dibuat di bawah subseksyen 96(4) Akta ibu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dipinda atau dibatalkan.

(4) Semua tindakan dan prosiding yang dimulakan atau yang belum selesai sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan atau diselesaikan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (“Akta 505”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memperkukuh aspek penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 505 untuk memasukkan takrif baharu “Baitulmal”, “Jawatankuasa Wakaf” dan “wakaf”. *Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda takrif sedia ada yang tertentu.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 505.

Subfasal 3(b) bertujuan untuk meminda perenggan 7(2)(e) Akta 505 untuk memberi Majlis kuasa untuk menubuhkan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman daripada Baitulmal kepada individu beragama Islam bagi maksud mengikuti pendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, pemberian pinjaman di bawah perenggan 7(2)(e) Akta 505 tidak boleh diambil daripada wang zakat.

Subfasal 3(d) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 7(2)(fa) ke dalam Akta 505 untuk memberi Majlis kuasa untuk menubuhkan, menyenggarakan dan menguruskan rumah kebajikan, tempat perlindungan dan pusat pemulihan.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 10(1) Akta 505 untuk menstruktur semula keanggotaan Majlis dengan memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai Timbalan Pengerusi Majlis, Ketua Pegawai Polis Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau wakilnya dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai antara anggota Majlis.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 505.

Subfasal 6(c) bertujuan untuk meminda perenggan 12(c) Akta 505 untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik jika dia tidak menghadiri tiga mesyuarat Majlis secara berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau, dalam hal jika anggota itu ialah Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri.

Subfasal 6(d) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 12(d) dan (e) ke dalam Akta 505 untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik jika dia bertindak bertentangan dengan dasar atau kepentingan Majlis atau dia menjadi bankrap yang belum dilepaskan.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 14(1) Akta 505 untuk memberi Majlis kuasa untuk melantik, dengan kelulusan Menteri, mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Setiausaha Majlis. Pada masa kini, Setiausaha Majlis ialah Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan.

8. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 27A ke dalam Akta 505. Seksyen baharu 27A yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Majlis kuasa untuk melantik atau mengambil kerja apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat untuk membantunya menjalankan fungsi-fungsinya.

9. *Fasal 10* bertujuan untuk memotong Bahagian III Akta 505 berbangkit daripada pengenalan Akta Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 [Akta XXX] yang dicadangkan.

10. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 40A ke dalam Akta 505.

Seksyen baharu 40A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang Hakim atau Pendaftar yang menjalankan suatu prosiding bagi kes mal boleh, setelah berpuas hati bahawa terdapat keadaan darurat atau ia adalah wajar setelah mengambil kira hal keadaan kes itu, menentukan supaya prosiding itu atau mana-mana bahagian prosiding itu dijalankan di mana-mana tempat lain selain Mahkamah yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta 505 atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh. Dalam menjalankan prosiding di bawah seksyen 40A yang dicadangkan, Hakim atau Pendaftar hendaklah memastikan bahawa penjalanan prosiding itu mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa, Hukum Syarak dan apa-apa arahan yang dibuat oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan penjalanan prosiding itu tidak menjejaskan keadilan, tidak melibatkan penyalahgunaan proses Mahkamah dan tidak terdapat unsur keraguan, penipuan dan syak.

11. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda subperenggan 46(2)(b)(vii) Akta 505 untuk memastikan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang berhubungan dengan zakat.

12. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 57B ke dalam Akta 505. Seksyen 57B yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Ketua Hakim Syarie kuasa untuk mengeluarkan apa-apa arahan amalan sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta 505 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan tatacara mal Mahkamah Syariah, tatacara jenayah Syariah, keluarga Islam dan keterangan Syariah.

13. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 58 Akta 505.

Subfasal 15(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 58(1) Akta 505 untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk melantik, atas nasihat Menteri, seorang Ketua Pendakwa Syarie dan apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie. *Subfasal 15(c)* pula bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 58(1A) untuk mengadakan peruntukan bagi kelayakan untuk menjadi Ketua Pendakwa Syarie dan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie.

Subfasal 15(d) bertujuan untuk meminda subseksyen 58(3) Akta 505 untuk memberi Ketua Pendakwa Syarie kuasa untuk melantik orang yang layak dan sesuai dalam kalangan Skim Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan sebagai Pendakwa Syarie.

Subfasal 15(e) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 58(3B) ke dalam Akta 505 untuk mengadakan peruntukan bagi Timbalan Ketua Pendakwa Syarie untuk mempunyai segala kuasa Pendakwa Syarie dan untuk bertindak sebagai Ketua Pendakwa Syarie semasa ketiadaan atau ketidakupayaan Ketua Pendakwa Syarie.

14. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda Bahagian VI Akta 505 untuk memasukkan seksyen baharu 59A ke dalam Akta 505 untuk mengadakan peruntukan bagi takrif “harta”, “istibdal”, “mawquf”, “mawquf ‘alaih” dan “mutawalli” atau “qayyim”.

15. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta 505.

Subfasal 17(c) bertujuan untuk meminda proviso kepada subseksyen 60(2) Akta 505 untuk memperuntukkan bahawa hasil pelaburan aset dan kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dilaburkan dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah yang mengikut Hukum Syarak.

16. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 61A ke dalam Akta 505 untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Wakaf, fungsi Jawatankuasa Wakaf dan kuasa Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, untuk membuat kaedah-kaedah yang berhubungan dengan wakaf.

17. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda subseksyen 63(1) Akta 505 untuk memperjelas bahawa nazr yang dibuat secara wasiat atau alang semasa marad-al-maut dan melibatkan harta yang melebihi daripada satu pertiga adalah tidak sah berkenaan dengan bahagian yang melebihi satu pertiga itu melainkan jika dipersetujui oleh waris.

18. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 71 Akta 505.

Subfasal 24(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 71(1) Akta 505 untuk memberi Majlis kuasa untuk melantik mana-mana bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] yang sesuai dan boleh mengendalikan apa-apa akaun atau akaun-akaun sebagaimana yang difikirkan patut.

Subfasal 24(d) bertujuan untuk meminda subseksyen 71(3) Akta 505 untuk mengadakan peruntukan bagi Majlis untuk menentukan tatacara bagi pengeluaran wang daripada mana-mana akaun bank Majlis.

19. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 73(3) ke dalam Akta 505 untuk memperuntukkan penalti bagi kesalahan yang diperuntukkan di bawah subseksyen 73(1) Akta 505 dengan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

20. *Fasal 28* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 78(2) Akta 505 untuk membolehkan Majlis untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan Imam Ratib dan Pembantu Bilal selepas umur enam puluh tahun jika Majlis fikirkan perlu dan sesuai.

21. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 84 Akta 505.

Subfasal 30(d) bertujuan untuk meminda subseksyen 84(5) Akta 505 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang berhubungan dengan membuat atau mengambil bahagian dalam apa-apa pungutan wang atau sumbangan lain tanpa kebenaran kuasa nyata atau surat kebenaran daripada Majlis kepada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

22. *Fasal 31* bertujuan untuk menggantikan seksyen 88 Akta 505 untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan Ketua Pendaftar Muallaf untuk menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Muallaf. Ketua Pendaftar Muallaf hendaklah dibantu oleh apa-apa bilangan Pendaftar sebagaimana yang boleh dilantik oleh Majlis dalam melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasanya di bawah Akta 505.

23. *Fasal 35* bertujuan untuk memotong seksyen 96 Akta 505 berbangkit daripada pengenalan Akta Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 yang dicadangkan.

24. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 99 Akta 505.

Subfasal 36(e) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 99(k), (l) dan (m) ke dalam Akta 505 untuk memberi Majlis kuasa untuk membuat, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, kaedah-kaedah mengenai perkara yang berkaitan dengan nazr atau amanah, pentadbiran, pengurusan, pengawalan, penyenggaraan dan penyeliaan rumah kebajikan, tempat perlindungan dan pusat pemulihan dan perkara lain bagi melaksanakan peruntukan Akta 505 dengan lebih baik.

25. *Fasal 37* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 99A ke dalam Akta 505 untuk memperuntukkan bahawa jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Akta 505, Hukum Syarak hendaklah terpakai.

26. *Fasal 39* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

27. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2907]